

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	5 March 2015

Ketua Audit Negara teliti akaun 1MDB

» Akaun yang disahkan secara bebas akan diserahkan kepada PAC

Oleh Magendran Rajagopal
magendran@bh.com.my

Putrajaya

Datuk Seri Najib Razak semalam mengarahkan Ketua Audit Negara untuk mengesahkan secara bebas akaun 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Perdana Menteri berkata, laporan Ketua Audit Negara itu kemudian diserahkan kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) yang diwakili wakil rakyat kerajaan dan pembangkang berdasarkan komposisi dalam Parlimen.

"Sekiranya sebarang salah laku dibuktikan, undang-undang akan dikuatkuasakan tanpa sebarang pengecualian," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri di sini, semalam.

1MDB juru audit menghadapi Kabinet

Menurut kenyataan itu, Perdana Menteri juga memanggil 1MDB dan juru audit mereka, Deloitte menghadapi Kabinet,

semalam, berikutan laporan media mengenai syarikat pembangunan strategik milik penuh kerajaan itu, sejak kebelakangan ini.

Pada peijumpan itu, 1MDB memberi taklimat mengenai kedudukan terkini syarikat berkenaan dan memberi maklum balas kepada soalan yang dikemukakan Menteri Kabinet, termasuk Najib dan Timbalannya, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Deloitte pula memberi gambaran menyeluruh mengenai urusan mereka dengan 1MDB dan mengakui pihaknya melakukan audit dan mengesahkan akaun syarikat itu.

Yakin tiada salah laku

Selepas menerima penjelasan daripada 1MDB dan Deloitte, Kabinet yakin tiada salah laku berlaku dalam 1MDB dan menyuarakan hasrat mereka supaya syarikat itu dibenar melaksanakan hasil cadangan kajian strategiknya.

Walaupun demikian, ia mengambil perhatian bahawa kerajaan meminta Ketua Audit Negara memeriksa akaun 1MDB sebagai langkah lanjutan.

Kabinet juga dimaklumkan bahawa dakwaan baru-baru ini yang ditujukan kepada 1MDB berhubung transaksi dilakukan pihak ketiga seperti Petrosaudi International (Petrosaudi), bukan 1MDB.

"Semua pelaburan berkaitan oleh 1MDB sudah dipu-

BH - 5/3/2015
" Sekiranya sebarang salah laku dibuktikan, undang-undang akan dikuatkuasakan tanpa pengecualian "

Najib Razak,
Perdana Menteri



langkan secara penuh dengan keuntungan diaudit yang besar," menurut kenyataan itu.

Baru-baru ini, Presiden dan Pengarah Eksekutif Kumpulan 1MDB, Arul Kanda, dilaporkan berkata semua tuduhan disebarkan portal media tertentu di negara ini berhubung usaha sama 1MDB dan PetroSaudi, adalah tidak benar.

MaJah, beliau dipetik berkata, 1MDB memperoleh AS\$488juta (RM1.8 bilion) apabila menamatkan usaha sama dengan PetroSaudi pada 2012 dan semua fakta serta perincian mengenai transaksi itu boleh dirujuk pada akaun audit yang dipaparkan dalam laman web Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).

PetroSaudi, dalam kenyataannya juga menaHkan dakwaan sejumlah dana diperoleh se-

panjang keijasama strategik dengan 1MDB dimasukkan ke akaun peribadi di luar negara.

Sambut baik permintaan PM
Sementara itu, Arul Kanda dalam kenyataannya petang semalam, berkata syarikat berkenaan menyambut baik permintaan Perdana Menteri supaya Ketua Audit Negara mengesahkan akaun 1MDB.

"Kami akan bekejasama dengan Ketua Audit Negara dan berharap hasil siasatan beliau (akan) menamatkan spekulasi baru-baru ini.

"Dakwaan ditujukan kepada 1MDB bermotifkan politik. Ini sengaja diselaraskan sebagai percubaan melemahkan syarikat dengan menyebarkan dakwaan tidak berasas dan spekulasi, yang seterusnya berpotensi menjejaskan ekonomi," katanya.